

19 MAR 1998

Agong-Dewan

AGONG RASMI PARLIMEN KESEMBILAN ISNIN INI

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar akan merasmikan mesyuarat pertama penggal keempat persidangan Parlimen kesembilan pada Isnin ini.

Menurut kenyataan Parlimen Malaysia yang dikeluarkan di sini hari ini, keberangkatan Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, akan disambut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim serta isteri masing-masing.

Setibanya di medan Parlimen, Seri Paduka akan memeriksa perbarisan kawalan kehormatam disertai dengan tembakan meriam 21 das.

Istiadat pembukaan persidangan bagi Dewan Negara dan Dewan Rakyat akan diadakan serentak dan Tuanku Ja'afar akan menyampaikan titah kepada anggota kedua-dua dewan Parlimen itu.

Titah diraja itu akan dibahaskan di Dewan Rakyat selama tujuh hari mulai Selasa manakala di Dewan Negara selama enam hari mulai 11 Mei.

Dewan Rakyat yang dianggotai 192 anggota itu akan bersidang selama 25 hari sehingga 7 Mei dari jam 2.30 petang hingga 6.30 petang.

Beberapa rang undang-undang yang tidak sempat dibahaskan pada persidangan dewan tahun lepas akan dibawa ke mesyuarat kali ini.

Antaranya ialah Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997; Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) 1997; Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997; Rang Undang-undang Fee (Planetarium Negara) (Pengesahan) 1997; dan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan)(No.2) 1997.

Pada mesyuarat Dewan Rakyat minggu depan juga, Anwar yang juga Menteri Kewangan, akan mengumumkan beberapa lagi cadangan tambahan ke arah pemulihan ekonomi negara.

Sebanyak 1,183 pertanyaan bagi jawapan lisan dikemukakan, kebanyakannya berkisar pada kegawatan ekonomi yang dihadapi negara sekarang dan langkah-langkah kerajaan menghadapinya.

Persidangan kali ini dijangka banyak tertumpu kepada masalah kenaikan harga barangan, kos pembelajaran penuntut Malaysia di seberang laut dan langkah yang diambil Majlis Tindakan Ekonomi Negara bagi memulihkan kegawatan ekonomi. -- BERNAMA

ZAB NMO